

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kesemua peneroka di Malaysia; dan
- (b) berapa ramaikah peneroka yang sudah diberi hak milik ke atas tanah mereka.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peneroka FELDA ketika ini adalah seramai **112,635 orang**. Manakala jumlah peneroka yang telah didaftarkan hak milik sehingga tahun 2016 adalah seramai **92,595 orang**.

Sekian, terima kasih.